

# UMNO tetap disebut UMNO – Mahathir

**K**UALA LUMPUR 8 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa Parti UMNO akan tetap disebut sebagai UMNO tanpa perkataan baru kerana nama itu telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

Perdana Menteri berkata, beliau bukan hendak menghina mahkamah tetapi ini adalah soal politik yang melibatkan perasaan dan kepercayaan manusia.

“Perkara macam ini (nama UMNO) tidak boleh diselesaikan di mahkamah, bukan mahkamah yang tentukan tetapi yang menentukan ialah kita,” katanya.

Beliau yang juga Presiden UMNO (baru) menegaskan demikian ketika menyentuh mengenai perintah sementara Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 6 Ogos yang menghalang pihak akhbar merujuk kepada parti itu sebagai UMNO sahaja tanpa menyebut perkataan baru.

Dalam ucapannya merasmikan penutup operasi khas penambahan keahlian peringkat satu Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di sini petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkali-kali menyebut parti itu sebagai UMNO sahaja.

“Saya menyebut UMNO, bukan UMNO baru, seperti yang tercatat dalam perlembagaan kita,” tegasnya.

## Jelas tercatat

Menurut Perdana Menteri, dalam Perlembagaan UMNO yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan jelas tercatat nama parti sebagai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (baru) atau UMNO.

Dalam perintah halangannya, Hakim Datuk Ajaib Singh telah memerintahkan **Umsan** Malaysia, Mingguan Malaysia, New Strait Times dan New Sunday Times supaya jangan menggugurkan perkataan “baru” pada UMNO.

Permohonan untuk mendapatkan perintah halangan itu dibuat oleh dua orang bekas ahli UMNO, Encik Mohamed Zainal Abidin Abdul Mutalib dan Encik Azizi Shariff.

Untuk menguatkan hujahnya tentang soal ini, Perdana Menteri memberi contoh mengenai seseorang yang dituduh sebagai bukan Islam sedangkan dia tetap merasakan dia Islam.

“Kalau orang kata bukan tetapi kita kata ya, maka yalah,” ujarnya.